

## MEMPERKASA PEMBUDAYAAN DIKALANGAN PELAJAR SEKOLAH LUAR BANDAR DI PULAU PINANG

PERMATANG PAUH, 15 Ogos 2016 – Satu Karnival Sains telah berlangsung di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh yang bertemakan “Memperkasa Pembudayaan Sains Dikalangan Pelajar Sekolah Luar Bandar di Pulau Pinang. Karnival yang berlangsung selama sehari mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelajar-pelajar universiti dan sekolah-sekolah jemputan. Program ini dirancang bagi memupuk minat pelajar terhadap sains serta bagi membuktikan kepada mereka bahawa subjek sains adalah subjek yang mudah dan sangat berkait rapat dengan kehidupan seharian.



Objektif utama mengadakan karnival sains ini bertujuan melibatsama dan pendedahan kepada pelajar sekolah luar bandar dalam aktiviti ceramah dan pameran sains, menyemarak dengan membudayakan sains, teknologi dan inovasi dikalangan pelajar luar bandar kearah penjanaan ilmu dan kesejahteraan rakyat melalui pameran sains serta menggalakkan para pelajar luar bandar mengambil jurusan sains dalam pembelajaran di sekolah. Pelbagai aktiviti mampu menarik minat pelajar malah dapat mencetus idea kepada guru-guru agar dapat mengajar subjek sains dengan lebih kreatif dan ceria. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang karnival berlangsung merupakan merupakan ceramah sains, pertandingan kuiz, pertandingan penyiasat celik, pameran daripada pempamer jabatan-jabatan kerajaan seperti Institut Kimia Malaysia


Cawangan Utara, Jabatan Kimia Malaysia, Pusat Sains Negara, Kedah Bioresources Corporation Sdn. Bhd., Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Universiti Sains Malaysia dan Unit Pameran Bergerak Teknologi Hijau CETREE.



Karnival Sains yang telah dijalankan ini diserikan lagi dengan kehadiran Pegawai Kanan Khas Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, YBhg. Datuk Mohd Zaidi Hj. Mohd Said sebagai tetamu jemputan bagi merasmikan Karnival Sains peringkat Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh pada hari karnival tersebut berlangsung. Maklumbalas positif yang diterima daripada tetamu jemputan dan para-para jemputan ke karnival ini amat menggalakkan dan berharap usaha murni serta kerjasama bersama CETREE dapat dicapai pada masa akan datang.



Terkini



Pautan